

PENAMBAHBAIKAN PROGRAM BANTUAN BERSASAR CIMB - UNTUK PERUSAHAAN MIKRO
22 NOV 2020

No.	Soalan	Jawapan
1	Bagaimanakah CIMB akan menolong pelanggannya?	<p>Program moratorium automatik 6 bulan telah berakhir pada 30 September 2020. Kami telah beralih ke pendekatan bantuan pembayaran yang bersasar dan memberikan pilihan bantuan kepada pelanggan yang paling terjejas. Sila rujuk pada Program Bantuan Kewangan di laman web CIMB.</p> <p>Susulan pengumuman Menteri Kewangan Malaysia semasa ucapan Belanjawan 2021 pada 6 November 2020, CIMB akan memperluaskan bantuan bayaran bersasar kepada individu golongan B40 dan Perusahaan Mikro.</p>
2	Siapakah yang layak memohon untuk bantuan bayaran ini?	<p>Program ini disediakan untuk Perusahaan Mikro, mengikut takrifan SME Corporation Malaysia, iaitu entiti perniagaan dalam semua sektor yang mempunyai:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perolehan jualan kurang daripada RM300,000 atau • Kurang daripada 5 pekerja sepenuh masa
3	Kemudahan pinjaman/pembiayaan yang manakah layak untuk penyertaan di bawah program ini?	<p>Bantuan ini ditawarkan untuk kemudahan-kemudahan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pinjaman / pembiayaan berjangka • Pembiayaan berjangka yang telah ditukar dari bil perdagangan/bil perdagangan Islam, Jaminan Bank/Kafallah atau Kemudahan Overdraft/Cashline-i • Pembiayaan SRF • Sewa Beli untuk Bukan Individu (PKS) • Sewa Beli Keseluruhan (<i>Blanket Hire Purchase</i>) • Sewa Beli Diskaun Blok <p>Kemudahan pembiayaan perdagangan mungkin layak untuk menerima penangguhan, bergantung kepada ciri-ciri kemudahan yang membolehkan lanjutan ke atas tempoh kemudahan.</p> <p>Kemudahan mesti memenuhi syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Diluluskan sebelum 1 Oktober 2020

		<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah yang diluluskan sehingga RM150,000 bagi setiap kemudahan • Tidak tertunggak melebihi 90 hari setakat tarikh permohonan.
4	Apakah ciri-ciri Penambahbaikan Program Bantuan Sasaran ini?	<p>Pilihan bantuan adalah seperti berikut.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pilihan 1: Penangguhan ansuran bulanan selama 3 bulan. Harap maklum bahawa faedah/caj keuntungan akan terus terakru ke atas jumlah yang tertangguh. • Pilihan 2: Pengurangan ansuran bulanan sebanyak 50% selama 6 bulan. Harap maklum bahawa faedah/caj keuntungan akan terus terakru ke atas jumlah yang tertangguh.
5	Bilakah program ini akan dimulakan?	Bantuan ini akan disediakan untuk pelanggan yang layak menyertai bagi pilihan mereka dari 23 November 2020 hingga 30 Jun 2021.
6	Adakah terdapat perkara penting yang perlu diambil tahu sebelum memohon?	<p>Perkara yang perlu diambil tahu sebelum permohonan bantuan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah bayaran bulanan dan/atau tempoh pembiayaan akan disemak semula untuk mengambil kira jumlah kos pembiayaan keseluruhan yang lebih tinggi. • Untuk kemudahan Islam, dokumen atau perjanjian baru perlu ditandatangani, selaras dengan keperluan undang-undang dan Syariah sebelum bantuan boleh dilaksanakan dan akan berkuat kuasa.
7	Bilakah penangguhan akan bermula?	Setelah diluluskan, penangguhan/semakan semula ansuran akan bermula daripada ansuran bagi bulan berikutnya.
8	Bagaimanakah cara memohon untuk program ini?	<p>Untuk membuat permohonan, layari www.cimb.com.my/frap Pilih Penambahbaikan Program Bantuan Bersasar (<i>Expanded Targeted Payment Assistance</i>) untuk Perusahaan Mikro dan klik pada pautan pendaftaran.</p> <p>Kami akan menghubungi anda dalam masa 5 hari bekerja.</p> <p>Untuk Sewa Beli-Bukan Individu (PKS), Diskaun Blok dan Sewa Beli Keseluruhan (<i>Blanket Hire Purchase</i>), sila hubungi Pusat Pembiayaan Auto kami. Maklumat hubungan boleh didapati</p>

		di https://www.cimb.com.my/en/personal/help-support/branch-locator.html
9	Perlukah saya mengemukakan sebarang dokumen untuk memohon?	Tiada dokumen yang perlu dikemukakan.
10	Adakah saya dapat memohon untuk program ini sekiranya saya tidak menyertai program moratorium 6 bulan (April hingga September 2020)?	Ya, anda boleh memohon untuk program ini.
11	Sekiranya saya pernah memohon untuk Program Bantuan Bayaran CIMB sebelum ini, adakah saya masih layak untuk memohon untuk Program ini?	Ya, anda boleh memohon untuk program ini.
12	Bolehkah saya memohon untuk Program Bantuan Bayaran CIMB yang sedia ada untuk PKS?	Ya, Program Bantuan Bayaran CIMB untuk PKS masih terus disediakan. Untuk maklumat mengenai program tersebut dan untuk memohon, sila layari www.cimb.com.my/frap